**Kenyataan Media**
**Oleh Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan Dan Pengurusan Lalu Lintas Negeri Pulau Pinang**
**Pada Rabu, 3 Februari 2010 Di Komtar, Pulau Pinang**

# KERAJAAN NEGERI PAKATAN RAKYAT MENOLAK DASAR PERKAUMAN DALAM ISU TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Baru baru ini Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Cawangan Pulau Pinang dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam telah membuat kenyataan bahawa Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjadikan orang Melayu sebagai sasaran penguatkuasaan dan ditindas khususnya merobohkan gerai yang melibatkan orang Melayu.

Pihak Kerajaan Negeri memandang serius dakwaan ini dan telah mengarahkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Pejabat Daerah Timur Laut dan Pejabat Daerah Barat Daya untuk menyemak statistik supaya memastikan apakah dasar perkauman diamalkan dalam tindakan penguatkuasaan.

## (I) PEJABAT DAERAH DAN TANAH TIMUR LAUT

Tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan sepanjang Tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut:

| Tahun | Melayu | Cina | India | Tidak Diketahui |
|---|---|---|---|---|
| 2008 | 3 | 2 | 1 | 2 |
| 2009 | 4 | 3 | 2 | 4 |
| 2010 | 2 | 0 | 0 | 0 |

Kes kes ini diambil tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 yang berhubung dengan pencerobohan tanah seperti rizab pantai, rizab parit dan rizab jalan.

Bagi Tahun 2008, tiga kes yang melibatkan orang Melayu adalah gerai dan struktur haram di atas simpanan jalan di hadapan Sekolah Kebangsaan Tanjong Tokong. Mereka sudahpun diperuntukkan gerai di Medan Selera berdekatan tetapi enggan memindah. Akhirnya operasi ditangguhkan.

Bagi Tahun 2009, dua kes orang Melayu yang terlibat adalah pembinaan struktur tanpa permit di Batu Ferringhi, satu di atas tanah Kerajaan Bandar Jelutong dan satu di George Town.

Bagi Tahun 2010, kes pertama adalah rumah atas pokok Do Re Mi. Pengusaha ditawarkan gerai alternatif oleh Pejabat Daerah di Bayu Senja, Batu Ferringhi tetapi enggan menerimanya.

Satu kes lagi adalah gerai dan struktur haram 3N Ikan Bakar di atas tanah Kerajaan. Pengusaha telah ditempatkan di Medan Selera, Gelugor sebelum tindakan perobohan dimulakan.

**(II) PEJABAT DAERAH DAN TANAH BARAT DAYA**

| Tahun | Melayu | Cina | India | Tidak Diketahui |
|---|---|---|---|---|
| 2007 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 2008 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2009 | 0 | 5 | 2 | 0 |

Dalam dua tahun ini, tiada tindakan penguatkuasaan diambil terhadap orang Melayu. Lima kes yang melibatkan orang Cina adalah berhubung dengan pembinaan bangsal dan kontena di mana pemilik bangunan telah merobohkan sendiri binaan selepas menerima notis.

**(III) MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

MPPP telah mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan beberapa Akta dan Undang Undang Kecil.

**(a) Penjaja Tanpa Lesen (Bahagian Pelesenan) Rampasan Barang**

| Tahun | Melayu | Cina | India |
|---|---|---|---|
| 2006 | 84 | 58 | 16 |
| 2007 | 65 | 35 | 11 |
| 2008 | 132 | 110 | 17 |
| 2009 | 152 | 84 | 17 |

Tindakan yang diambil melibatkan rampasan barang barang jualan sahaja dan tidak melibatkan perobohan gerai.

**(b) Tunggakan Sewa Premis/Perumahan Rakyat**

| Tahun | Melayu | Cina | India |
|---|---|---|---|
| 2009 | 23 | 3 | 2 |

**(c) Halangan Di Tempat Awam (Bahagian Penguatkuasaan)**

| Tahun | Melayu | Cina | India |
|---|---|---|---|
| 2006 | 106 | 46 | 16 |
| 2007 | 106 | 51 | 21 |
| 2008 | 50 | 13 | 12 |
| 2009 | 38 | 21 | 15 |

Tindakan penguatkuasaan ini melibatkan tindakan mengalihkan kerusi, meja dan lain lain barang yang di tempat awam seperti tepi jalan, ruang awam, kaki lima dan lain lain.

Statistik menunjukkan bilangan kes yang melibatkan orang Melayu adalah lebih tinggi pada zaman pemerintahan Barisan Nasional.

**(d) Kacau Ganggu - Lembu Berkeliaran Di Tempat Awam**

| Tahun | Melayu | Cina | India |
|---|---|---|---|
| 2006 | 3 | 1 | 26 |
| 2007 | 3 | 1 | 13 |
| 2008 | 4 | 0 | 14 |
| 2009 | 6 | 0 | 8 |

**(e) Jabatan Bangunan Di Bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974**

| Tahun | Melayu | Cina | India |
|---|---|---|---|
| 2008 | 1 | 16 | 1 |
| 2009 | 9 | 40 | 5 |

**(f) Notis Keluar - Kegagalan Membayar Tunggakan Sewa/Premis MPPP**

| Tahun | Melayu | Cina | India |
|---|---|---|---|
| 2008 | 219 | 103 | 46 |
| 2009 | 78 | 52 | 26 |

**(g) Tindakan Penguatkuasaan (PTK) Penjaja Tanpa Lesen Mengikut Pecahan Kaum (MPPP)**

| Tahun | Melayu | Cina | India | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| 2008 | 785 | 1,082 | 196 | 2,063 |
| 2009 | 815 | 1,727 | 247 | 2,789 |

Dakwaan PBT tidak memberi peluang menjaja tidak sama sekali, setakat ini MPPP telah mengeluarkan lesen untuk semua kaum mengikut permohonan.

| Jenis Lesen | Tahun 2008 | | | |
|---|---|---|---|---|
| - | Melayu | Cina | India | Jumlah |
| Pasar | 369 | 1,724 | 118 | 2,211 |
| Kompleks | 627 | 741 | 78 | 1,446 |
| TPS | 422 | 1,826 | 104 | 2,352 |

| Jenis Lesen | Tahun 2009 | | | |
|---|---|---|---|---|
| - | Melayu | Cina | India | Jumlah |
| Pasar | 391 | 1,660 | 119 | 2,170 |
| Kompleks | 464 | 538 | 62 | 1,046 |
| TPS | 449 | 1,843 | 105 | 2,397 |

Di samping itu, MPPP juga mengeluarkan notis notis kepada premis yang tidak mematuhi mana mana Undang Undang dan Undang Undang Kecil.

| | **Tahun 2008** | **Tahun 2009** |
|---|---|---|
| Establishment Makanan | 1,661 | 1,325 |
| Tred Perniagaan/Industri | 488 | 566 |

* Kebanyakan Pengusahaan memohon atas nama syarikat.

**Rumusan**

(1) Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang tidak pernah mengeluarkan dasar untuk mensasarkan mana mana kaum dalam tindakan penguatkuasaan.

(2) Statistik menunjukkan tindakan penguatkuasaan diambil atas pertimbangan tidak pematuhan Undang Undang dan Undang Undang Kecil dan **BUKAN** atas pertimbangan kaum.

(3) Tidak ada kaum yang menikmati immuniti daripada tindakan penguatkuasaan. Isu sebenar adalah **tidak pematuhan bukan perkauman** ( *non compliance* ). Di seluruh Negeri Pulau Pinang, ada banyak kes tidak pematuhan yang masih belum ditangani.

(4) Dakwaan Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang bahawa Melayu dipinggirkan tidak benar.

Bilangan kontraktor Bumiputera/Bukan Bumiputera bagi Tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:

**Bilangan Kontraktor Perolehan Bekalan/Perkhidmatan/Kerja Bertaraf Bumiputera/Bukan Bumiputera Bagi Tahun 2008**

| **Bil.** | **Kontraktor** | **Sebut Harga** | | **Tender** | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **Bumiputera** | **Bukan Bumiputera** | **Bumiputera** | **Bukan Bumiputera** |
| 1. | Bekalan | 29 | 5 | - | - |
| 2. | Perkhidmatan | 26 | 26 | - | 1 |
| 3. | Kerja | 23 | 4 | 1 | - |
| | **Jumlah** | **78 (69.03%)** | **35 (30.97%)** | **1 (50%)** | **1 (50%)** |

**Bilangan Kontraktor Perolehan Bekalan/Perkhidmatan/Kerja Bertaraf Bumiputera/Bukan Bumiputera Bagi Tahun 2009**

| **Bil.** | **Kontraktor** | **Sebut Harga** | | **Tender** | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **Bumiputera** | **Bukan Bumiputera** | **Bumiputera** | **Bukan Bumiputera** |
| 1. | Bekalan | 33 | 5 | 8 | 4 |
| 2. | Perkhidmatan | 29 | 2 | 34 | - |
| 3. | Kerja | 27 | 12 | 3 | 2 |
| | **Jumlah** | **89 (82.4%)** | **19 (17.6%)** | **45 (88.23%)** | **6 (11.76%)** |